

**Kegunaan Bahasa Malaysia sebagai
bahasa pengantar di semua sekolah**

Peperiksaan LCE akan hapus - Mahathir

U.M. 30 APR 1976

PEPERIKSAAN L.C.E. akan hapus dengan sendiri apabila semua sekolah menengah rendah jenis kebangsaan (Inggeris) menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar.

Demikian dijelaskan oleh Menteri Pelajaran Dr. Mahathir Mohammad sewaktu menggulung perbahasan titah diraja di Dewan Negara hari ini.

Bagaimanapun beliau menyangkal pendapat yang mengatakan kegagalan pelajar-pelajar dalam peperiksaan L.C.E. kerana dadah sebab tidak ada bukti mereka yang gagal itu ada kaitan dengan dadah, atau kumpulan haram.

Tentang cadangan Senator Ibrahim Yaakub supaya buku teks diberi percuma kepada murid-murid supaya meringankan beban guru besar, Dr. Mahathir berkata:

"Perbelanjaan untuk memberi buku teks percuma kerajaan ialah \$62 juta setahun, jika projek itu dilakukan maka perbelanjaan untuk lain-lain kemudahan mestilah dikurangkan."

Beliau ingin tahu berapa ramai guru besar yang mengadu menyampaikan keluhan kerana beban mengutip balik buku teks kepada ahli yang berhormat yang berkenaan.

Desakan seperti itu kata Dr. Mahathir mungkin memburukkan imej guru besar yang tidak pernah menyampaikan sungutan mereka kepada beliau.

Tentang cadangan supaya bayaran peperiksaan MCE/SPM dan LCE/SRP supaya diturunkan Dr. Mahathir menjelaskan bahawa bayaran itu bukanlah menjadi "revenue" kerajaan tetapi ialah untuk membayar belanja mengurus peperiksaan.

Jika calon-calon peperiksaan tidak membayar, maka kerajaan pastilah membayarnya. Bukan semua calon-calon terdiri daripada orang-orang miskin, kata Dr. Mahathir.

KUALA LUMPUR 29 APRIL

Beri pertolongan

"Mereka yang betul-betul miskin diberi pertolongan seberapa yang boleh, menolong mereka yang mampu membayar kerana mahu menolong yang tidak mampu adalah cara yang tidak wajar," jelas beliau.

Cadangan Senator Haji Ahmad Arshad supaya Kementerian Pelajaran menukar panggilan "guru sementara" kepada "guru pelatih" telah ditolak oleh Dr. Mahathir.

Guru pelatih katanya, adalah mereka yang sedang menerima latihan untuk menjadi guru supaya selepas tamat tempoh latihan itu, mereka akan berkelayakan untuk memasuki perkhidmatan pelajaran.

"Guru sementara pula adalah mereka yang tidak terlatih dan belum diterima untuk menjalani latihan per-guruan," jelas beliau.

Terdahulu dari itu Timbalan Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohammad memberitahu Dewan bahawa Kementerian Pelajaran telah pun mula mengambil alih pengelolaan peperiksaan SPM/MCE peringkat demi peringkat.

Menjawab jawapan bertulis kepada soalan Datuk Haji Ahmad Arshad beliau berkata setakat ini pengambilan alih itu tertumpu kepada tiga bidang iaitu kerja-kerja komputer, penggubalan dan penyelarasan, kertas-kertas soalan dan di bidang pemeriksaan kertas-kertas jawapan.

"Kerja-kerja memproses kemasukan calon-calon dalam peperiksaan tersebut serta memproses data-data keputusan peperiksaan telah pun dijalankan oleh Kementerian Pelajaran," jelas beliau.

"Penggubalan dan penyelarasan beberapa kertas-kertas soalan tertentu bagi peperiksaan tersebut juga telah mula diuruskan oleh Kementerian Pelajaran walaupun kertas-kertas soalan ini bersama-sama dengan kertas-kertas soalan yang lain adalah ditaksirkan (assessed) di Cambridge," tambahnya.

"Peperiksaan kertas-kertas jawapan bagi semua mata-pelajaran dalam peperiksaan SPM dan bagi beberapa mata-pelajaran tertentu dalam peperiksaan MCE juga telah dikendalikan oleh Kementerian Pelajaran," tegasnya.

Dr. Mahathir selanjutnya menjelaskan terlibat dalam proses pengambilalihan tersebut oleh Kementerian Pelajaran.

Tegasnya, dalam proses pengambilalihan ini setiap langkah telah diambil bagi menentukan nilai peperiksaan yang terlibat itu tidak sekali-kali terjejas.

Mengenai soal kewangan Dr. Mahathir menerangkan semua yuran peperiksaan yang dipungut berhubung dengan peperiksaan-peperiksaan yang dikendalikan oleh kementerian.

Bagi peperiksaan SPM pula katanya, yuran peperiksaan yang dipungut itu dibayar disimpan oleh kementerian dan hanya sebahagian daripadanya diserahkan kepada Cambridge untuk kerja-kerja peperiksaan tersebut yang diuruskan oleh Cambridge.

Bagi peperiksaan-peperiksaan MCE dan STP/HSC tahun 1974 wang sebanyak \$5,695,000 telah dikirimkan ke Cambridge dan daripada jumlah ini sebanyak \$780,733 telah diserahkan balik kepada kementerian.

Bagi peperiksaan SPM tahun tersebut pula sebanyak \$4,284,444 telah dipungut oleh kementerian dan daripada jumlah ini sebanyak \$126,087 diserahkan kepada Cambridge.